

21 FEB 1996

Mahathir-Bukvic

DR MAHATHIR: KEMATIAN BUKVIC AKAN DISIASAT

PETALING JAYA, 21 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kematian Kuasausaha Kedutaan Bosnia di sini, Ibrahim Bukvic, 55, di Pusat Perubatan Pantai semalam akan disiasat.

Beliau yang menyifatkan Bukvic sebagai seorang yang baik dan peramah berkata: "Ya, kita akan siasat dan lihat apa yang berlaku."

Dr Mahathir berkata demikian apabila ditanya mengenai keluhan anak allahyarham, Amer Bukvic, 22, yang menyatakan rasa tidak puas hatinya akan rawatan yang diberikan kepada bapanya di Pusat Perubatan Pantai.

"Tidak tahu, kita akan selidik dahulu. Kalau benar rungutan keluarga Bukiv, kita kesal," kata beliau apabila ditanya sama ada tindakan akan di ambil terhadap aduan itu.

Sebelum itu, Dr Mahathir bersama isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Pemangku Menteri Luar Datuk Abu Hassan Omar menandatangani buku takziah kerana kematian Bukvic, di Kedutaan Bosnia di 28, Jalan 16/6 Petaling Jaya di sini, hari ini.

Allahyarham Bukvic meninggal dunia di Pusat Perubatan Pantai pada 12.30 pagi semalam selepas uzur seketika waktu. Beliau meninggalkan seorang isteri, Vahida Bukvic, 52, dua anak lelaki Tarik Bukvic, 28, dan Amer serta seorang anak perempuan, Amina Bukvic, 13.

Sementara itu, Abu Hassan pula berkata Wisma Putra tidak menerima sebarang aduan rasmi daripada keluarga allahyarham mengenai rawatan yang diterimanya sebelum kematian beliau.

"Kita akan siasat apa yang sebenarnya berlaku dan cari jalan bagaimana menyelesaikan keluhan keluarga itu. Wisma Putra akan meneliti perkara itu. Kita akan meminta pihak hospital memberikan penjelasan penuh secepat mungkin."

"Saya pasti hospital itu akan menyediakan laporan lengkap selepas membaca laporan akhbar hari ini," kata beliau.

Allahyarham Bukvic akan dikebumikan pada 1.30petang ini di tanah perkuburan Islam Bukit Kiara. -- Bernama

JSM PR